



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 35/2012 (26 Ogos hingga 1 September 2012)

Pada minggu ke 35, iaitu dari 26 Ogos hingga 1 September 2012, terdapat satu kes kematian terbaru dilaporkan dari Perak yang melibatkan seorang lelaki Orang Asli berusia 24 tahun yang juga mempunyai sejarah penyakit Batuk Kering (Tibi). Pesakit mula mendapatkan rawatan di hospital setelah empat hari mengalami gejala Demam Denggi seperti demam, sakit kepala dan sakit badan serta dimasukkan ke dalam wad sebelum dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk mendapatkan rawatan lanjut. Walau bagaimanapun pesakit meninggal dunia selepas 24 jam dirawat akibat Demam Denggi Berdarah. Hasil pemeriksaan terhadap kawasan di sekitar kediaman pesakit dijumpai 2 tempat pembiakan yang mana salah satu daripadanya adalah di dalam rumah kosong. Bekas yang menjadi tempat pembiakan adalah bekas plastik dan sinki terpakai. Satu kompaun maksima RM500.00 telah dikeluarkan terhadap pemilik premis dan satu gotong royong telah dijalankan di kawasan tersebut pada 28 Ogos 2012.

Pada minggu lepas, sejumlah 372 kes Demam Denggi telah dilaporkan, meningkat sebanyak 74 kes (25%) berbanding 298 kes pada minggu sebelumnya dengan lapan (8) negeri menunjukkan jumlah peningkatan kes iaitu Selangor meningkat sebanyak 27 kes (25%), Perak 21 kes (131%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 16 kes (200%), Kelantan 11 kes (61%), Terengganu 5 kes (36%), Sabah 4 kes (31%), Pulau Pinang 2 kes (33%) dan Perlis 1 kes (100%). Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Demam Denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 1 September 2012 adalah 14,914 kes, berbanding 13,432 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011, peningkatan sebanyak 11% (1,482 kes) manakala kumulatif kes kematian Demam Denggi di Malaysia juga telah meningkat sebanyak 5 kes di mana 27 kes dilaporkan pada tahun ini berbanding 22 kes kematian pada tahun 2011.

Daripada 47 lokaliti berwabak di Malaysia terdapat dua lokaliti daripada daerah Petaling, Selangor yang merupakan lokaliti wabak yang sukar dikawal iaitu di Taman Sungai Besi Indah 1 yang mengalami wabak selama 25 hari dengan 10 kes dilaporkan dan Seksyen U16 (Apartment Teratai) yang telah 18 hari berwabak dengan 4 kes dilaporkan. Punca wabak sukar dikawal kerana kawasan ini mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu 8.6% melebihi kadar sensitif 1.0%. Hasil pemantauan KKM juga mendapati 9 buah negeri mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif iaitu Kedah (3.3%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (2.5%), Perlis (2.2%), Pulau Pinang (2.0%), Sabah (1.8%), Sarawak (1.8%), Negeri Sembilan (1.5%) dan Selangor (1.1%). Mobilisasi masyarakat perlu digerakkan di kawasan ini dengan menjalankan aktiviti gotong royong membersihkan kawasan untuk

menghapuskan tempat pembiakan Aedes agar rantai jangkitan dapat diputuskan dan lokaliti ini tidak menjadi lokaliti hot spots.

Dalam pada itu hasil pemeriksaan ke atas 29,037 premis diseluruh negara mendapati 350 premis mempunyai pembiakan Aedes dengan 62 kompaun telah dikeluarkan bernilai RM31,000. Sejumlah 80% bekas yang mempunyai pembiakan dijumpai diluar premis manakala 20% di dalam premis dengan 14% adalah bekas plastik, tong (13%), tayar (8%) dan baldi (6%). Masyarakat dan semua pihak harus menjadikan kesihatan sebagai prioriti dalam kehidupan mereka. Amalkan gaya hidup sihat dan pastikan persekitaran anda bersih serta tiada pembiakan Aedes.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

7 September 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 35/2012
(26 Ogos hingga 1 September 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 35/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 35/2011
		Minggu 35 (26 Ogos - 1 September 2012)	Minggu 34 (19 - 25 Ogos 2012)		
1	Perlis	2	1	131	68
2	Kedah	13	14	590 (3)	321
3	P. Pinang	8	6	559 (1)	1,272 (2)
4	Perak	37 (1)	16	1,080 (5)	848 (2)
5	Selangor	134	107	6,533 (11)	5,144 (5)
6	WPKL & Putrajaya	24	8	1,330 (3)	1,252 (1)
7	N. Sembilan	20	22	349 (1)	522 (2)
8	Melaka	2	5	352	277
9	Johor	27	29	1,126 (1)	1,139 (5)
10	Pahang	7	12	448 (1)	633 (1)
11	Terengganu	19	14	552	465 (1)
12	Kelantan	29	18	804	502 (1)
13	Sarawak	33	33	706	682
14	Sabah	17	13	346 (1)	298 (2)
15	WP Labuan	0	0	8	9
	MALAYSIA	372 (1)	298	14,914 (27)	13,432 (22)

Nota: () Kematian